



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

Pengurusan Festival Floria Diraja Putrajaya

Nur Sakinah Binti Mohd

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)**

2016

NUR SAKINAH BINTI MOHD

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2016

PENGURUSAN FESTIVAL FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA

NUR SAKINAH BINTI MOHD

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (√)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the.....day of.....2016.

Student's Declaration:

I, **NUR SAKINAH BINTI MOHD, 38021, FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF**
.....hereby declare that
the work entitled **PENGURUSAN FESTIVAL FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA**
.....

.....is my original work. I have not copied from
any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made
explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Date submitted

NUR SAKINAH BINTI MOHD (38021)

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I, **DR ANNA DURIN**
..... hereby certifies that
the work entitle **PENGURUSAN FESTIVAL FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA**
.....

.....was prepared by the above named student, and
was submitted to the "FACULTY" as a * partial/~~full~~ fulfillment for the conferment
of **IJAZAH SARJANA MUDA SENI GUNAAN DENGAN KEPUJIAN (PENGURUSAN SENI)**.....and the
aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: **DR ANNA DURIN** Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____

Supervisor signature: _____

Current Address:

**NO 94, FELDA KECHAU SATU
27200, KUALA LIPIS
PAHANG DARUL MAKMUR.**

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN

Penyelidikan berjudul “Festival Floria Diraja” di Putrajaya. Penyelidikan ini telah disediakan oleh Nur Sakinah Binti Mohd dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian Pengurusan Seni.

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....

(Dr. Anna Durin)

Tarikh:

.....

PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah hirabbil’ alamin, saya melafazkan sepenuh kesyukuran ke hadrat illahi dengan limpah kurnia-Nya, saya mampu menyiapkan Projek Tahun Akhir ini dengan sempurna bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjan Muda Sastera dengan Kepujian Pengurusan Seni.

Penghargaan ini ditujukan khusus buat keluarga tersayang Puan Tusinah Binti Nasir dan Adik-beradik yang tidak jemu mendoakan kejayaan saya serta sokongan moral dan bantuan kewangan sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan saya Noor Atikah Binti Ibrahim, Muhamad Fairuz Bin Abdullah @ Mamat dan Azman Bin Aziz yang sanggup meluangkan masa serta tenaga bagi membantu menjayakan projek ini secara langsung atau tidak langsung. Pelbagai Ilmu yang telah kami rungkai sepanjang proses menyiapkan projek ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan buat penyelia saya, Dr Anna Durin yang telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan serta dorongan kepada saya sehingga saya berjaya menyempurnakan projek ini.

Jutaan terima kasih turut ditujukan kepada pihak Floria Putrajaya Sdn. Bhd yang sudi memberi kerjasama serta layanan yang sewajarnya sepanjang saya menebual mereka. Akhir kalam, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung dalam usaha menyiapkan kajian ini. Tanpa sokongan serta kerjasama daripada semua pihak, kajian ini tidak dapat disiapkan dengan sempurna dan jayanya.

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan mengenai Pengurusan Festival Floria Diraja Putrajaya. Festival Floria Diraja Putrajaya adalah festival yang dianjurkan oleh Perbadanan Putrajaya dan dilaksanakan oleh Floria Putrajaya Sdn. Bhd. di Anjung Floria, Presint 4. Penyelidikan ini bertujuan mengenalpasti konsep dan mengkaji pengurusan Festival Floria Diraja Putrajaya. Kaedah metodologi yang digunakan adalah kualitatif iaitu pemerhatian dan temubual. Informan yang ditemubual terdiri daripada Encik Harisfazilah Ahmad, Puan Roziyanti Abu Darim dan Puan Nabilah Rahman yang berpengalaman dan berprofessional serta terlibat secara langsung dalam festival ini. Hasil dapatan penyelidikan dalam Festival Floria Diraja Putrajaya mendapati mempunyai pengurusan yang sistematik dari aspek persediaan awal, semasa dan penutupan acara.

ABSTRACT

This study focuses on the management of Royal Floria Putrajaya Festival. This festival is organized by the Putrajaya Corporation and conducted by Putrajaya Floria Sdn. Bhd. Anjung Floria, Precinct 4. This research aims to identify the concept and assessing the management of the Royal Floria Putrajaya Festival. While the method used is qualitative methodology which is observation and interviews. Informants were interviewed consisted of Mr. Haris Fazilah Ahmad, Abu Darim Roziyanti Mrs. and Mrs. Nabilah Rahman who are most experienced and professional in directly involved in this festival. Research findings shows how the researcher had found the systematic management of the initial setup, during and closing events in Floria Diraja Putrajaya Festival.

ISI KANDUNGAN

PENGESAHAN	II
PENGHARGAAN	III
ABSTRAK	IV
ABSTRACT	VII
SENARAI JADUAL, SENARAI RAJAH SENARAI PETA, SENARAI PLAN DAN SENARAI CARTA	XII

TAJUK

MUKA SURAT

BAB I PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	2
a) Sejarah Putrajaya	3
b) Latar Belakang Bandaraya	3
c) Latar Belakang Organisasi	
i) Putrajaya Floria Sdn. Bhd.	6
ii) FLORIA Sdn. Bhd. Putrajaya	7
iii) Perbadanan Putrajaya	8
iv) Ministry of Federal Territories Malaysia	9

v)	Objektif	10
vi).	Fungsi	10
1.3	Permasalahan Kajian	11
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Soalan Kajian	14
1.6	Hipotesis	15
1.7	Kepentingan Kajian	16
1.8	Skop Kajian	17
1.9	Kekangan Kajian	17
2.0	Kerangka Kajian	18
a)	Pengurusan	19
b)	Masa	20
c)	Lokasi	21
d)	Promosi	22
e)	Kewangan	22
f)	Pemasaran	23
g)	Penajaan	24
h)	Sumber Manusia	25
2.1	Rumusan	26
BAB II	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pengenalan	27

a) Konsep Bunga	27
b) Jenis-jenis Bunga	29
c) Konsep Festival	34
d) Jenis-jenis Festival/Majlis/Upacara	35
2.2 Rumusan	50
BAB III	METHODOLOGI KAJIAN
3.1 Pengenalan	51
3.2 Kaedah Kualitatif	51
3.3 Kaedah Perpustakaan	52
3.4 Kaedah Pemerhatian	52
3.5 Kaedah Temubual	53
3.6 Kaedah Dokumentasi	54
3.7 Kaedah Analisis Kajian	55
3.8 Lokasi Kajian	58
3.9 Rumusan	59
BAB IV	DAPATAN KAJIAN
4.1 Pengenalan	60
4.2 Konsep Festival Floria Diraja Putrajaya	60
a) Sejarah	61
b) Makna	66
c) Fungsi	66

d) Ciri-ciri	67
e) Tujuan	68
f) Aktiviti	68
4.3 Pengurusan Festival Floria Diraja Putrajaya	99
4.3 Persediaan Festival	100
a) Persediaan awal	100
b) Perancangan Festival Floria	101
c) Mengorganisasi	114
4.3.2 Semasa	118
a) Mengetuai Pengurusan Festival	118
b) Mengawal Mengurus	119
4.3.2 Penutupan	124
a) Pengembalian Material	125
b) Laporan Post Mortem	126
4.4 Rumusan	130
BAB V KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Kesimpulan	131
5.2 Cadangan	133
5.2.1 Cadangan kepada Floria Putrajaya Sdn. Bhd.	133
5.2.2 Cadangan kepada Penyelidik	134

RUJUKAN 136

LAMPIRAN 139

**Senarai Jadual, Senarai Rajah, Senarai Peta,
Senarai Plan, Senarai Carta** **Muka Surat**

Peta 1.1	Lokasi Bandar Putrajaya	6
Peta 1.2	Plan lokasi Anjung Floria	7
Peta 1.3	Lokasi sebenar Anjung Floria Putrajaya	8
Jadual 1.4	Penggunaan dan Keluasan Tanah	11
Jadual 2.1	Keratan Rentas Bunga	31
Jadual 4.1	Pencapaian Floria Putrajaya Sdn. Bhd.	65
Jadual 4.2	Ikon Floria digunakan pada setiap tahun 2007 hingga 2016	67
Jadual 4.3	International Outdoor & Indoor Garden (International Floral Garden, International Orchid garden, Floria Cup).	69
Jadual 4.4	Peserta Pereka Antarabangsa dalam FLORAL PAVILION	71
Jadual 4.5	Sekolah & Taman Universiti	76
Jadual 4.7	<i>Embass Row</i>	81

Jadual 4.8	Garden Bazaar & Hortmart	82
Jadual 4.9	Floral Arts & Crafts	86
Jadual 4.10	Therapy	87
Jadual 4.11	Petting Zoo	87
Jadual 4.12	List Awards Floria Putrajaya 2015	88
Jadual 4.13	Floria Pavilion	89
Jadual 4.14	List Of Awards Floria Putrajaya 2015 (International Orchids Competition).	90
Jadual 4.15	Flower Ambassador	91
Jadual 4.16	Flower Arts Competition	92
Jadual 4.17	Senarai Aktiviti/ Program Festival Floria 2015	93
Jadual 4.17	Tentative majlis perasmian Festival Floria Putrajaya (2015).	112
Jadual 4.18	Tentatif Penangguhan Festival Floria Putrajaya (2015)	113
Jadual 4.19	Senarai Peralatan yang dipinjam	125
Rajah 4.1	Kerangka Pengurusan Acara	99
Carta 4.1	Organisasi Putrajaya Floria Sdn. Bhd.	115

Carta 4.2	Organisasi Taman Warisan Pertanian Putrajaya	116
Carta 4.3	Organisasi Festival Floria	117
Plan 4.1	Lot Kawasan kepada Peserta-Peserta yang Terlibat.	128
Plan 4.2	Floral Pavilion	128
Plan 4.3	Lot-lot Garden Bazaar dan Hortmart	129
Plan 4.4	Floral Arts and Crafts	129

BAB I

PENGURUSAN FESTIVAL FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA

1.1 Pengenalan

Melalui bab ini, menerangkan serba sedikit tentang kajian yang ingin dilaksanakan oleh pengkaji. Kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik berkenaan dengan pengurusan Festival Floria Putrajaya. Dalam Bab ini mengandungi permasalahan kajian, objektif kajian, dan pelbagai lagi terkandung dalam bab ini.

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti konsep Festival Floria Diraja di Putrajaya merupakan perkara penting bagi mengetahui sejarah, fungsi, tujuan, tema, ciri-ciri, dan aktiviti berasaskan floria yang di tampilkan. Tambahan lagi, kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji sistem pengurusan Festival Floria Diraja berdasarkan tiga perkara penting dalam pengurusan acara persediaan, semasa dan penutup berdasarkan aspek perancangan awal, semasa dan penutupan.

Festival ini diadakan bagi memperkenalkan destinasi tersebut kepada pelancong bahawa lokasi yang dijalankan berpotensi memajukan pembangunan dengan kemudahan infrastruktur yang lengkap dan teratur serta dikenali sebagai bandaraya dalam taman (*City in The Garden*). Pemilihan lokasi tersebut dijadikan pilihan adalah untuk menjadikan Putrajaya sebagai kawasan singgahan utama dan memperkenalkan lagi bunga-bunga Malaysia yang pelbagai warna, jenis, bentuk dan saiz misalnya bunga orkid, bunga raya, ros yang merupakan bunga tempatan bagi rakyat Malaysia. Tambahan lagi, menjalinkan hubungan dua hala diantara peserta-peserta antarabangsa dalam pertunjukan taman dan bunga antarabangsa.

Sistem pengurusan acara terdiri daripada tiga perkara penting iaitu persediaan sebelum, semasa dan penutup. Kejayaan dalam sesebuah acara adalah bergantung kepada tiga iaitu berjayanya menguruskan persediaan sebelum, semasa dan penutup bagi sesebuah acara. Namun, aturcara yang dilaksanakan dengan cemerlang tidak semestinya bergantung kepada jumlah kehadiran tetamu yang datang malah sebaliknya.

Pengurusan acara terdiri daripada beberapa perkara penting yang melibatkan asas pengurusan. Antaranya, pengurusan pemasaran, promosi, kewangan, penajaan, lokasi dan masa, pengurusan sumber manusia dan pengurusan barangan yang digunakan dalam pelaksanaan dan perancangan acara. .

Kesimpulannya, pengurusan aturcara sesebuah majlis sama ada secara formal atau tidak formal sangat penting dalam sesebuah acara kerana pengurusan acara yang berjaya adalah diuruskan oleh mereka yang bijak menguruskan sesebuah acara secara teratur. Tambahan lagi, pengurusan festival tersebut penting bagi memelihara aktiviti ini supaya lebih dikenali oleh masyarakat setempat mahupun negara.

1.2 Latar Belakang Kajian

Putrajaya atau lebih dikenali Wilayah Persekutuan Putrajaya ialah pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan Malaysia yang menggantikan Kuala Lumpur. Kini, Putrajaya telah menjadi Wilayah Persekutuan Malaysia yang ketiga selepas Kuala Lumpur dan Labuan. Putrajaya mengandungi Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, perumahan, kemudahan komersial, kemudahan sosial dan kemudahan keagamaan.

a) Sejarah Putrajaya

Menurut Natrah Ismail (2002) dalam buku yang bertajuk Putrajaya Bandaraya Milenium. Dalam kajian beliau menyatakan pada bulan November 1996, Kerajaan Persekutuan Malaysia telah melaksanakan kerja-kerja pembinaan pusat pentadbiran berbentuk futuristik untuk menggantikan bandar Kuala Lumpur yang terlalu pesat membangun sehingga menyebabkan kepadatan penduduk penduduk dan kesesakan lalu lintas pada tahap yang tinggi.

Oleh itu, pada 7 November 2000 kerajaan Selangor telah menyerahkan satu perjanjian penyerahan kepada Kerajaan Persekutuan telah dilakukan. Keluasan kawasan 4,581 hektar dengan penduduk agaran seramai 330,000 (Menjelang tahun 2010). Putrajaya telah diberikan nama sebagai Bandaraya Pusat Pentadbiran Kerajaan Malaysia sempena pengorbanan dan mengabdikan jasa YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Perlaksanaan projek mega merupakan projek termahal dimana anggaran menelan perbelanjaan sebanyak RM30 bilion. Bandaraya ini, merupakan bandaraya termoden di Asia tenggara kerana mewujudkan konsep “Bandaraya Pintar” (*Intelligent City*) dan “Bandaraya Dalam Taman” (*City In The garden*).

b) Latar Belakang Bandaraya

Putrajaya lebih dikenali sebagai bandaraya pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Kewujudan Putrajaya adalah cetusan Wawasan 2020 di mana masyarakat yang terdiri pelbagai kaum akan menjadi masyarakat yang progresif. Putrajaya merupakan nadi pembangunan dan perkembangan ekonomi negara. Putrajaya kini, dianggarkan lebih daripada

26,000 unit-unit kediaman bahkan rancangan sedang berlaku untuk membina sehingga 65,000 unit. Di Putrajaya, menempatkan kediaman rasmi Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

Tambahan lagi, ianya dikenali sebuah Bandar berstruktur terancang dengan panorama taman-taman dan tasik, dihujani dengan bangunan awam, jambatan, tugu dan sebuah istana yang estetik dan mempunyai nilai fungsinya. Setiap bangunan awam yang mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri dengan seni bina moden dan unik serta beberapa pertunjukan bangunan yang mengandungi unsur-unsur warisan rakyat Malaysia dan budaya.


Kedudukan Yang terletak di dalam Mukim Dengkil dengan jarak lebih kurang dua puluh lima kilometer dari selatan bekas pusat pentadbiran Kuala Lumpur, dan 20 kilometer dari utara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dalam mukim yang sama. Ianya juga, sebahagian daripada Koridor raya Multimedia (MSC) Malaysia yang berhampiran dengan bandaraya Cyberjaya dan tidak jauh dari Pusat Bandaraya Kuala Lumpur (KLCC).

Visi dan falsafah putrajaya terdiri daripada tiga ideologi tetap yang mana merupakan asas ibu negara pusat pentadbiran antaranya manusia dengan pencipta, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam semulajadi. Sebalik visi dan falsafah yang diterapkan terdapat dua konsep Putrajaya pertama merupakan bandaraya dalam taman (*City in The Garden*). Konsep ini dilihat dari segi binaanya yang akan menjadi konsep perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum. Kelebihan tentang bandarraya ini ialah landskap semulajadi yang cantik dan warna yang menampilkan unsur tropika. Beralih di bahagian utara Presint 1, Manakala, konsep kedua adalah Bandaraya Pintar (*Intelligent City*) dimana sebagai komponen terpenting dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) dan menjadi pusat pentadbiran elektronik Negara.

Penetapan Putrajaya telah dilakukan agar pusat pentadbiran yang dilengkapi kabel fiber-optik berteknologi tinggi dan infrastruktur teknologi maklumat yang canggih. Pembangunan awam yang dibina terdiri dengan ciri-ciri tersendiri dengan seni bina moden dan unik serta beberapa bangunan yang mengandungi warisan dan budaya rakyat Malaysia. Putrajaya juga menempatkan kediaman rasmi Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan pegawai tinggi kerajaan.

Pada awal Jun 1999, apabila kerja pembinaan Putrajaya membuahkan hasil, seramai 300 orang pegawai dan kakitangan telah berpindah ke bangunan baru yang dikenali Putra Perdana. Manakala di penghujung tahun 1999, presint juga turut menempatkan jabatan dan agensi kerajaan. Pembangunan Ibu Negara amat penting bagi mengurangkan kesesakan laluan lintas dan kesibukan pusat pentadbiran yang lama.

Secara fizikalnya, di bahagian tengah Putrajaya merupakan kawasan yang strategik. Kehijauan alam semulajadi dan panorama yang menarik dengan adanya tasik buatan manusia dan sebuah *Wetlands* serta taman-taman *wetlands* membolehkan keindahan flora dan fauna yang pelbagai.



Peta 1.1: Lokasi Bandar Putrajaya

Sumber dipetik: <https://www.google.com.my/>

c) Latar Belakang Organisasi

i) Putrajaya Floria Sdn. Bhd.

Floria Putrajaya Sdn. Bhd. adalah sebuah anak syarikat baru ditubuhkan Perbadanan Putrajaya. Floria Putrajaya Sdn. Bhd., telah diberikan tanggungjawab menganjurkan Royal FLORIA 2015 Putrajaya yang mana akan diadakan di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya dari 30 Mei sehingga 7 Jun 2015. Lebih daripada 40 orang peserta antarabangsa menampilkan arkitek landskap dan pereka dari Australia, China, Jepun, Taiwan,

Korea, Hong Kong, Amerika Syarikat, United Kingdom, Singapura, Thailand dan New Zealand akan mengambil bahagian dalam bunga antarabangsa dan taman ini pertunjukan.

ii) FLORIA Sdn. Bhd. Putrajaya

Kini, Festival Floria Diraja menjadi edisi ke Sembilan dalam pameran bunga semenjak penubuhannya pada 2007. Acara tahunan dianjurkan oleh entiti induk Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama *Ministry of Federal Territories*. Buat kali pertama pada 2014, bunga dan pesta taman ini menyaksikan penyertaan pelbagai badan kerajaan dan badan korporat sebagai rakan-rakan pintar yang menyumbang ke arah kejayaan acara.



Peta 1.2: Plan lokasi Anjung Floria

Sumber: Floria Putrajaya Sdn. Bhd. (2015)



Peta 1.3: Lokasi sebenar Anjung Floria Putrajaya

Sumber: Putrajaya Floria Sdn. Bhd. (2016)

iii) Perbadanan Putrajaya

Perbadanan Putrajaya ditubuhkan di bawah Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536) untuk tujuan pengurusan dan mentadbirkan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Perbadanan Putrajaya bertanggungjawab atas kesihatan awam dan sanitasi, pembuangan sisa dan pengurusan, perancangan bandar, perlindungan alam sekitar dan kawalan bangunan, pembangunan sosial dan ekonomi dan fungsi penyelenggaraan yang umum prasarana bandar. Ibu pejabat Perbadanan Putrajaya terletak di Persiaran Perdana, Putrajaya.